

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

### Pelanggan yang Dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad-i Pembelian Visa Maybank Islamic dan Kad-i Pembelian Mastercard Maybank Islamic. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga disarankan untuk membacanya.**



1 Januari 2026

## 1. Apakah Kad-i Pembelian?

Kad Islamik ini berasaskan Murabahah (kos + keuntungan) melalui konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah). Dalam kaedah ini, kos perolehan dan harga jualan adalah diketahui, dan anda membayar harga dalam tempoh yang dipersetujui. Komoditi patuh Syariah yang diniagakan digunakan sebagai aset asas bagi urus niaga ini. Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bukan eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini. Kami akan menetapkan dan menentukan, bagi pihak anda, had kad sebelum pelaksanaan Komoditi Murabahah, berdasarkan pendapatan yang diisytiharkan oleh anda.

- I. Bank membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga atas permintaan anda.
- II. Bank menjual komoditi kepada anda pada harga jualan yang dipersetujui (kos + keuntungan) secara pembayaran tertunda.
- III. Anda melantik Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga secara langsung.
- IV. Bank, sebagai wakil anda, menjual komoditi tersebut pada harga bersamaan **Had Kredit** anda.
- V. Hasil jualan dikreditkan sebagai **Had Kredit** ke akaun Kad anda, tertakluk kepada terma dan syarat.
- VI. Anda melantik Bank sebagai **wakil bi-daf' (ejen pembayaran)** untuk menggunakan hasil jualan bagi membayar pihak ketiga atau peniaga bagi pihak anda. Anda kekal bertanggungjawab ke atas semua bayaran dan liabiliti Kad.

### Harga Jualan Bank

Harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank yang terdiri daripada harga Belian Bank dan keuntungan Bank = Had kredit + jumlah keuntungan (Had Kredit X Kadar Keuntungan (28%) x Tempoh Akad (5 tahun))

### Ibra'

Kami akan memberi rebat (Ibra') kepada anda dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- a) Rebate atas keseluruhan jumlah kadar keuntungan yang dikenakan dalam Komoditi Murabahah;
- b) Sekiranya penggunaan Had Kad adalah kurang daripada jumlah keuntungan yang diperolehi daripada Komoditi Murabahah

Rebat-rebat tersebut tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi sebagai penolakan dari elemen keuntungan pada Harga Jualan Bank bagi pembiayaan tersebut. Rebate tersebut hanya akan diberikan selepas kami menerima jumlah penyelesaian/penebusan berdasarkan formula berikut:

Baki Harga Jualan	<b>Tolak</b>	Baki Kemudahan	<b>Tolak</b>	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
-------------------	--------------	----------------	--------------	---

## 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

- i. Anda perlu membayar keuntungan dan caj berikut:

Caj	Jumlah
Fi Tahunan	Tiada Caj
Fi Penggantian Kad	RM50/Kad
Cek tak Laku	RM100
Fi Mendapatkan Semula Draf Jualan	RM15/salinan
Fi Permohonan Salinan Penyata	<ul style="list-style-type: none"><li>Tempoh penyata selama 2 tahun: RM5/penyata bulanan.</li><li>Tempoh penyata melebihi 2 tahun: RM10/penyata bulanan.</li></ul>
Fi Guaman	Berdasarkan rundingan peguam cara dengan anda dan perbelanjaan lain yang kami tanggung untuk penguatkuasaan hak dan kelayakan kami.
Fi Pertukaran Urus Niaga Luar Negara	<ul style="list-style-type: none"><li>Caj sebanyak 1.25% (dikenakan oleh Mastercard International atau Visa International) sebelum ditukarkan ke mata wang pengebilan anda.</li><li>1% atau kadar lain yang kami kenakan dari semasa ke semasa.</li></ul>
CUKai Jualan & Perkhidmatan	RM25/Kad selepas pengaktifan Kad dan ulang tahun Kad
Fi Suapan Data (Pilihan)	Fi pengurusan sekali bayaran sebanyak RM3,600
Yuran pelaksanaan program (Pilihan)	Fi pengurusan sekali bayaran sebanyak RM15,000

- ii. Caj bayaran lewat: Berasaskan kadar lazim harian 'Islamic Interbank Money Market rate' (IIMM) dikenakan atas baki belum jelas selepas tarikh akhir penyata. Caj bayaran lewat tidak akan dikompaunkan. Kadar IIMM ialah purata harian kadar semalaman pelaburan Mudarabah antara bank Islam di pasaran wang. Kadar IIMM diperolehi Bank daripada laman web Bank Negara Malaysia (BNM) setiap bulan.
- iii. Jadual berikut menunjukkan caj dikenakan dan contoh pengiraan jika anda tidak membuat pembayaran penuh:

**Senario Mungkir****Jumlah yang akan Dibayar (RM)****Senario: Pelanggan membelanjakan RM1,000,000 pada 1 Mac 2025**

- Tarikh penyata : 31/1/2025
- Tempoh tangguh (30 hari) : 2/4/2025
- Tarikh tamat tempoh pembayaran : 3/4/2025
- Kadar IIMM pada 3/4/2022 : 3.03%
- Formula untuk kadar caj IIMM yang dikenakan:  
Baki yang belum dijelaskan dan belum dibayar  $\times$  Kadar IIMM  $\times$   $\frac{\text{Bilangan hari tertunggak}}{365}$

- i. Caj IIMM:  
**RM83.14 + RM1162.19 = RM1245.21**
- ii. Baki yang belum dijelaskan yang akan dibayar: **RM1245.21**
- iii. Keseluruhan Jumlah:  
RM1,000,000 + RM1245.21 = **RM1,001,245.21**

Contoh pengiraan bagi caj IIMM berdasarkan formula di atas:  
 $RM1,000,000 \times 3.03\% \times \frac{1}{365} : \mathbf{RM83.14}$

**Nota:**


- Tarikh genap tempoh: Akaun akan digantung selepas 30 hari tempoh tangguh.
- Kadar IIMM tertakluk kepada perubahan setiap hari ke-16 pada bulan itu yang akan ditentukan oleh Bank.


**Sambungan daripada Senario ini: Pelanggan masih tidak membuat pembayaran sehingga tamat tempoh 15 hari (Kad akan ditamatkan/ kemudahan ditarik balik)**


- 1/4/2025 : Pelanggan tidak berbelanja
  - Pelanggan tidak membuat apa-apa pembayaran sehingga 17/4/2025 (14 hari) = kad ditamatkan/kemudahan ditarik balik
  - Kadar IIMM pada 17/4/2025 : 3.03%
  - Baki wang pokok yang belum dijelaskan: RM1,000,000
- Contoh pengiraan untuk caj IIMM:  
 $RM1,000,000 \times 3.03\% \times \frac{14}{365} : \mathbf{RM1162.19}$

- iv. Sebarang jumlah kredit yang digunakan perlu diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh.
- v. Sebarang baki tertunggak yang tidak dibayar selepas tarikh tamat tempoh akan dikenakan Caj Lewat Bayar.
- vi. Pembayaran anda akan mengembalikan Had Kad anda

**Adalah tanggungjawab anda untuk:**

 Baca terma dan syarat untuk Kad-i Pembelian Maybank Islamic sebelum anda memohon.

 Pastikan pembayaran kad kredit anda dibuat mengikut jumlah yang tertera dalam penyata.

 Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar penyata bulanan anda.

**Ketahui Risiko Anda**


Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?


- Anda akan **membayar lebih** secara keseluruhan disebabkan caj lewat bayar.
- Kami **berhak untuk menolak** sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan bersama kami terhadap baki tertunggak anda dengan memberikan notis awal selama tujuh (7) hari.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat, kami berhak untuk **menamatkan** kad anda.
- **Tindakan undang-undang** boleh diambil terhadap anda jika anda gagal membuat pembayaran baki kad kredit anda.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.
- **Liabiliti Tunggal** – Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya atas semua caj yang dikenakan ke atas Ahli Kad.

**3. Terma-terma Penting Lain**

Sila kemas kini maklumat hubungan anda dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan bagi memastikan surat-menyurat dapat dilakukan tepat pada masanya.

**Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Korporat anda, anda boleh menghubungi kami:**

 Hubungi kami di 1-300-88-6688

 Kunjungi cawangan Maybank/Maybank Islamic terdekat

 Layari [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)

**Pengakuan Pelanggan**

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami apa yang anda tandatangani:

- Saya mengakui bahawa Maybank Islamik telah memberikan salinan Risalah Pendedahan Produk kepada saya.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Risalah Pendedahan Produk ini.

\* Pengakuan anda terhadap Risalah Pendedahan Produk ini tidak menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian atau membuat tuntutan sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat pada masa akan datang.

.....  
Nama:

Tarikh: